

SULIT
3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Oktober
2020

3756/1



1 ¼ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogramkan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

- 1 Pernyataan berikut menerangkan ciri-ciri kepimpinan seorang akauntan.

Keupayaan akauntan untuk menyampaikan maklumat perakaunan secara adil dan objektif kepada semua pihak yang berkepentingan dalam perniagaan.

Apakah ciri kepimpinan tersebut?

- A Akauntabiliti
- B Objektiviti
- C Kredibiliti
- D Integriti

- 2 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Radzi.

Perniagaan Radzi telah menetapkan pengiraan peruntukan hutang ragu sebanyak 3% setiap tahun atas Akaun Belum Terima bersih.

Apakah andaian atau prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh beliau?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Kos manfaat
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 3 Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah milikan perniagaan.

- Minimum 50 – tiada had
- Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen
- Liabiliti terhad setakat sumbangan modal yang disumbangkan

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Prima Jaya Berhad
- B Spa Kecantikan Mia
- C Koperasi MRSM Pengkalan Chepa Berhad
- D Syarikat Nazir Bersaudara Sendirian Berhad

- 4 Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Butik Qasrina.

Menerima bayaran daripada Kedai Kain Jasmin RM2 300 dengan cek dan memberi diskaun sebanyak RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut?

	Aset		Ekuiti Pemilik
	Bank	Akaun Belum Terima	Modal
A	2 300	2 500	200
B	(2 500)	(2 300)	(200)
C	2 300	(2 500)	(200)
D	(2 300)	2 500	200

- 5 Dokumen 1 dikeluarkan oleh Izzati Cake House.

SALINAN		INVOIS		No:INV2183	
Izzati Cake House 1827 A, Jalan Angkasa 60200 Kepong, Selangor					
Kepada: Hero Supermarket Lot 454 Jalan Besar 47000 Selayang, Selangor				Tarikh: 1 Mac 2020	
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)	
1.	Kek coklat	12	65.00	780.00	
2.	Kek keju	10	80.00	800.00	
Jumlah Kasar				1 580.00	
Tolak: Diskaun niaga 20%				316.00	
Jumlah				1 264.00	
(Ringgit Malaysia: Satu ribu dua ratus enam puluh empat sahaja) Syarat: 5% 14 hari, 3% 30 hari Serahan: Angkutan dibayar K&K di K					
<u>Azman</u> (Penerima)			<u>Husna</u> (Pengurus)		

Dokumen 1

- 'Syarat angkutan dibayar' yang dinyatakan dalam invois bermaksud
- A kos pengangkutan ditanggung oleh Izzati Cake House
 B kos pengangkutan ditanggung oleh Hero Supermarket
 C kos pengangkutan ditanggung oleh kerajaan
 D tiada kos pengangkutan dikenakan
- 6 Apakah dokumen yang diterima oleh pelanggan sekiranya barang yang rosak dipulangkan kepada pembekal?
- A Nota Debit (Asal)
 B Nota Kredit (Asal)
 C Nota Debit (Salinan)
 D Nota Kredit (Salinan)

/Lihat halaman sebelah

- 7 Jurnal Am di bawah diambil daripada buku Perniagaan Syafiq.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jan 1	Premis	360 000	
	Inventori	24 400	
	Alatan Pejabat	45 000	
	Bank		8 900
	Modal		X

Berapakah nilai X?

- A RM438 300
 B RM420 500
 C RM396 100
 D RM375 500
- 8 Urus niaga manakah direkodkan dalam Jurnal Am?
 A Membeli inventori secara kredit
 B Ambilan tunai untuk tujuan promosi
 C Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan peribadi
 D Membawa masuk komputer peribadi ke dalam perniagaan
- 9 **Dokumen 2** diambil daripada buku perniagaan MJ Enterprise.

<p>MEMO MJ Enterprise Blok 303, Sungai Udang, 75200 Melaka</p> <p>Kepada : Kerafi Akaun Daripada : Mariam Jonet (Pemilik) Tarikh : 30 Jun 2020</p> <p>Perkara: Mengambil barang niaga berjumlah RM245 untuk didermakan ke rumah Anak Yatim Nur Iman</p> <p style="text-align: right;"><i>Mariam</i> (Pemilik)</p>

Dokumen 2

Bagaimanakah urus niaga tersebut dicatatkan dalam Jurnal Am?

Jurnal Am

A

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Ambilan Belian	245	245

B

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Derma Ambilan	245	245

C

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Derma Belian	245	245

D

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Ambilan Derma	245	245

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Karya Enterprise.

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2020			
Apr 10	Pembekal Hanna	INV I5002	3 000
12	Pembekal Hanna	ND 003	500
30	Akaun Belian (dt.)		3 500

Berdasarkan Jurnal Belian di atas, apakah urus niaga yang berlaku pada 12 April 2020?


- A Memulangkan barang niaga yang dibeli pada 10 April 2020 kerana rosak
- B Membeli barang niaga secara tunai daripada Pembekal Hanna
- C Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Hanna
- D Belian pada 10 April 2020 terkurang catat

11. Perniagaan Attiyyah menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan nilai panjar berjumlah RM250. Pada 1 Ogos 2020, baki tunai runcit peniaga tersebut ialah sebanyak RM70. Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut oleh juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM70
- B RM180
- C RM250
- D RM320

[Lihat halaman sebelah

- 12 **Rajah 1** berikut menunjukkan pembahagian lejar.



Rajah 1

Apakah *P* dan *Q*?

	<i>P</i>	<i>Q</i>
A	Akaun Belian	Akaun Jualan
B	Akaun Ambilan	Akaun Modal
C	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Pulangan Belian	Akaun Pulangan Jualan

- 13 Urus niaga di bawah diperoleh daripada Kedai Runcit Unique.

Belian rak pameran dan meja juruwang secara kredit berjumlah RM4 200 daripada Kedai Perabot Diamond

Apakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Kedai Perabot Diamond	Belian
B	Kedai Perabot Diamond	Perabot
C	Belian	Kedai Perabot Diamond
D	Perabot	Kedai Perabot Diamond

- 14 Akaun berikut diambil daripada lejar Haikel Enterprise.

Perodua Sdn Bhd			
2020		RM	
Feb 20	Bank	5 000	
Akaun Bank			
2020			RM
Feb 20	Perodua Sdn Bhd	5 000	

Apakah maksud urus niaga di atas?

- A Beli kenderaan dengan cek RM5 000
 B Jual kenderaan kepada Perodua Sdn Bhd bernilai RM5 000
 C Beli kenderaan daripada Perodua Sdn Bhd bernilai RM5 000
 D Bayar hutang kepada Perodua Sdn Bhd dengan cek RM5 000

- 15 Apakah butir dalam Akaun Kawalan Belum Bayar yang boleh diperoleh daripada Buku Tunai?
- A Belian kredit
B Diskaun diberi
C Pulangan keluar
D Bayaran kepada pembekal
- 16 Antara berikut akaun manakah dicatat di sebelah debit Imbangan Duga?
- I Hutang lapuk
II Akaun Belum Bayar
III Akaun Belum Terima
IV Komisen diterima
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Syantek Enterprise.

Ringkasan Kad Inventori pada 31 Mac 2020		
Butir	Jumlah Harga Kos (RM)	Jumlah Harga Pasaran (RM)
Minuman Tin	7 000	6 500
Minuman Kotak	5 500	5 570
Makanan Ringan	2 110	2 220
Makanan Segera	1 500	1 100

Berapakah nilai inventori akhir pada 31 Mac 2020?

- A RM15 210
B RM15 390
C RM16 110
D RM16 290

/Lihat halaman sebelah

- 18 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Emier Trading pada 29 Februari 2020.

Imbangan Duga pada 29 Februari 2020		
	Dt (RM)	Kt (RM)
Akaun Belum Terima	15 000	
Peruntukan Hutang Ragu		300

Maklumat tambahan:

Pada 29 Februari 2020, seorang penghutang telah muflis dan hutangnya bernilai RM1 000 terpaksa dihapuskan. Polisi perniagaan telah menetapkan bahawa kadar peruntukan hutang ragu adalah 5% daripada jumlah Akaun Belum Terima bersih.

Apakah kesan ke atas hasil atau belanja perniagaan?

- A Belanja bertambah RM700
 - B Belanja bertambah RM400
 - C Hasil bertambah RM400
 - D Hasil berkurang RM700
- 19 Apakah rumus untuk mengira susut nilai dengan menggunakan kaedah garis lurus?
- A $\frac{\text{Kos} - \text{Usia guna}}{\text{Nilai skrap}}$
 - B $\frac{\text{Kos} - \text{nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$
 - C $\frac{\text{Nilai skrap} - \text{Kos}}{\text{Usia guna}}$
 - D $\frac{\text{Nilai skrap} - \text{Usia guna}}{\text{Kos}}$

- 20 Maklumat berikut diperoleh daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Qaish Enterprise

Perniagaan Qaish Enterprise			
Penyata Kewangan Pada 31 Julai 2019			
Aset Bukan Semasa	Kos (RM)	Susut Nilai Terkumpul (RM)	Nilai Buku (RM)
Kenderaan	150 000	20 000	130 000

Maklumat tambahan:

Sebuah kenderaan baru telah dibeli pada 1 Januari 2020 bernilai RM 60 000. Polisi susut nilai perniagaan adalah 20% mengikut kaedah baki berkurangan. Hitung jumlah susut nilai pada tahun kewangan berakhir pada 31 Julai 2020.

- A RM42 000
 B RM38 000
 C RM33 000
 D RM26 000

- 21 Berikut adalah dialog di antara pengurus dengan kerani akaunnya.



Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan Prinsip
 B Kesilapan Terbalik
 C Kesilapan Komisen
 D Kesilapan Ketinggalan Catatan

[Lihat halaman sebelah

- 22 Petikan akaun berikut diambil daripada buku rekod Perniagaan Arjuna Pelangi.

Akaun Belanja Am

		2020	RM
	Jun 30	Bank	500

Akaun Bank

2020		RM
Jun 30	Belanja am	500

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jun 30	Bank	500	
	Belanja am		500

B

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jun 30	Belanja am	500	
	Bank		500

C

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jun 30	Bank	1 000	
	Belanja am		1 000

D

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jun 30	Belanja am	1 000	
	Bank		1 000

- 23 Pilih padanan yang betul bagi kegunaan nisbah berikut.

Nisbah	Rumus
A Kadar pusing ganti inventori	$\frac{\text{Inventori akhir} - \text{Inventori awal}}{2}$
B Nisbah semasa	$\frac{\text{Liabiliti semasa}}{\text{Aset semasa}}$
C Tokokan	$\frac{\text{Kos jualan}}{\text{Untung kasar}} \times 100\%$
D Margin untung bersih	$\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$

- 24 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Ku Mulus Sdn Bhd bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020.

Kadar pusing ganti inventori	4 kali
------------------------------	--------

Apakah tafsiran daripada maklumat tersebut?

- A Inventori telah bertukar ganti 3 bulan sekali
 - B Inventori telah bertukar ganti 4 bulan sekali
 - C Inventori telah bertukar ganti 3 kali sebulan
 - D Inventori telah bertukar ganti 4 kali sebulan
- 25 Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan amalan rekod tak lengkap?
- I Rekod akaun dibuat secara manual
 - II Urus niaga dicatatkan dalam Buku Tunai sahaja
 - III Urus niaga dicatat dengan menggunakan sistem catatan bergu
 - IV Dokumen sumber perniagaan tidak disimpan secara sistematik
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Encik Hassan.

	RM
Modal 1 Julai 2019	30 000
Modal 30 Jun 2020	40 500

Maklumat tambahan:

- i) Pemilik telah mengambil tunai perniagaan untuk membayar belanja utiliti rumahnya RM150 sebulan.
- ii) Membawa masuk kenderaan persendirian untuk kegunaan perniagaan bernilai RM3 000 pada tahun itu.

Berapakah untung atau rugi bersih?

- A Untung bersih RM11 700
- B Untung bersih RM9 300
- C Rugi bersih RM11 700
- D Rugi bersih RM9 300

[Lihat halaman sebelah

- 27 En. Ramlee mendapati baki buku tunai berbeza dengan baki penyata bank. Beliau telah mengarahkan pengurus akaun untuk menyediakan Penyata Penyesuaian Bank.

Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Menyelaras baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 B Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
 C Merekodkan semua wang masuk dan wang keluar perniagaan
 D Memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam Penyata Bank
- 28 Maklumat berikut menunjukkan buku tunai (ruangan bank) dan penyata bank Perniagaan Rezeki Bonda Trading bagi bulan April 2020.

Buku Tunai						
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No.Cek	RM
2020			2020			
April 1	Baki b/b	5 880	April 7	Belian	007800	3 200
6	Jualan	3 500	16	Gaji	007801	3 500
11	En Azad	2 600	27	Insurans	007802	2 000
			30	Baki h/b		3 280
		<u>11 980</u>				<u>11 980</u>
2020						
Mei 1	Baki b/b	3 280				

Penyata Bank					
Bank Islam Malaysia Berhad					
60 300 Kuala Lumpur					
No Akaun: 05067788996321					
Tarikh : 30 April 2020					
Perniagaan Rezeki Bonda Trading					
60 300 Gombak, Kuala Lumpur					
Tarikh	Butir	No.Cek	Wang Keluar	Wang Masuk	Baki
			RM	RM	RM
2020					
April 1	Baki b/b				5 880
7	Deposit			3 500	9 380
8	Cek	007800	3 200		6 180
11	Deposit			2 600	8 780
18	Cek	007801	3 500		5 280
21	Dividen			1 000	6 280
25	Caj bank		10		6 270
30	Hibah			5	6 275

Hitung baki akhir Buku Tunai selepas dikemaskini.

- A Baki debit RM4 275
 B Baki kredit RM4 275
 C Baki kredit RM2 285
 D Baki debit RM2 285

- 29 Apakah yang dimaksudkan dengan 'kurangan' dalam Belanjawan Tunai?
- A Jumlah pembayaran sebenar melebihi jumlah penerimaan sebenar
 B Jumlah penerimaan sebenar melebihi jumlah pembayaran sebenar
 C Jumlah pembayaran yang dijangka melebihi jumlah penerimaan yang dijangka
 D Jumlah penerimaan yang dijangka melebihi jumlah pembayaran yang dijangka
- 30 Mengikut Akta Perkongsian 1961, berapakah kadar faedah atas pinjaman perkongsi?
- A 8 %
 B 9 %
 C 10 %
 D Tiada faedah dikenakan
- 31 Berikut ialah Akaun Semasa Khalish.

Akaun Semasa - Khalish

2019		RM	2019		RM
Dis	Ambilan	7 250	Jan 1	Baki b/b	35 000
31	Baki h/b	41 150	Dis 31	R	2 400
				Pengasingan untutng rugi	11 400
		48 400			48 400
			2020,		
			Jan 1	Baki b/b	41 150

Apakah **R**?

- A Rugi Realisasi
 B Akaun Belum Bayar
 C Faedah atas Ambilan
 D Faedah atas Pinjaman
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan perkongsian.

	RM
Jumlah aset (tidak termasuk Bank)	50 000
Jumlah liabiliti	15 500
Belanja Realisasi	2 500
Aset direalisasi	42 500

Berapakah untung atau rugi realisasi?

- A Rugi realisasi RM10 000
 B Untung realisasi RM10 000
 C Rugi realisasi RM5 500
 D Untung realisasi RM5 500

[Lihat halaman sebelah

- 33 Syarikat Weena Berhad mempunyai modal diterbitkan dan berbayar penuh RM600 000 yang terdiri daripada 1 000 000 unit syer biasa RM0.60 sesyer. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, syarikat telah membayar dividen interim pada kadar 4 sen sesyer dan mengisytiharkan pembayaran dividen akhir 6 sen sesyer selepas untung bersih sebenar tahun kewangan diketahui.

Berapakah jumlah dividen akhir yang akan dibayar?

- A RM24 000
B RM36 000
C RM60 000
D RM100 000
- 34 Persatuan Futsal Taman Setia telah menerima derma untuk membina bilik penyimpanan alatan. Apakah kesan urusniaga tersebut?
A Menambahkan pendapatan hasil
B Mengurangkan pendapatan hasil
C Menambahkan pendapatan modal
D Mengurangkan pendapatan modal
- 35 Baki bank Kelab Memanah Haisya pada 1 Mei 2020 berjumlah RM18 000. Berikut merupakan butiran penerimaan dan pembayaran sepanjang tempoh perakaunan.

Butiran	RM
Komisen diterima	2 000
Alat tulis	200
Yuran ahli	8 420
Surat khabar & majalah	1 300
Sewa alatan memanah	1 400

Hitung baki akhir bank.

- A RM10 320
B RM24 320
C RM25 520
D RM28 320


- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Taman Setia di Bandar Melaka pada 1 Oktober 2020.

	RM
Bank	5 580
Alatan pejabat	12 500
Inventori kafeteria	1 520
Yuran belum terima	250
Yuran belum terperoleh	130
Akaun belum bayar	1 370

- Berapakah Dana Terkumpul pada tarikh tersebut?
- A RM18 110
B RM18 350
C RM18 610
D RM21 350
- 37 Yuran ini boleh dikategorikan sebagai pendapatan hasil atau pendapatan modal bergantung pada dasar kelab dan persatuan tersebut.
- Apakah jenis yuran ini?
- A Yuran ahli
B Yuran masuk
C Yuran tahunan
D Yuran pertandingan
- 38 Belanja langsung merupakan belanja yang turut berubah apabila berlaku perubahan dalam unit pengeluaran. Apakah contoh belanja langsung?
- A Royalti
B Gaji pengurus kilang
C Alat-alat kecil kilang
D Gaji operator pengeluaran
- 39 Perbezaan antara harga jualan seunit dengan kos berubah seunit dikenali sebagai
- A Untung bersih
B Margin caruman
C Kos volum untung
D Titik pulang modal

[Lihat halaman sebelah

- 40 Graf Titik Pulang Modal berikut diperoleh daripada sebuah kilang kerepek yang beroperasi di Batu Pahat, Johor.



Apakah U ?

- A Jumlah kos berubah
- B Jumlah kos
- C Jumlah hasil
- D Jumlah kos tetap

KERTAS SOALAN TAMAT